

09/05/1997

Usah buat spekulasi percution saya: PM (HL)

Kamal Ahmad

SUBANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan percutiannya selama dua bulan di luar negara mulai 19 Mei ini, tidak ada kaitan dengan masalah kesihatan dan berharap tidak timbul sebarang spekulasi.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak menghadapi masalah kesihatan sekarang, tetapi memerlukan cuti untuk berehat sambil melaksanakan beberapa urusan dan melakukan lawatan rasmi ke beberapa negara.

"Saya harap saya dibenar bercuti dengan tidak ada macam-macam sangkaan yang mungkin boleh menyebabkan pasaran saham jadi masalah dan sebagainya," katanya.

"Anda pandanglah saya ... Apakah saya tidak sihat? Kenapa saya harus bercuti hanya selepas saya ke luar negara untuk menjalankan tugas rasmi. Kalau saya tidak sihat, saya pergi terus (mendapatkan rawatan)," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di sini, tengah hari ini selepas melakukan lawatan lapan hari ke Malawi, Botswana dan Afrika Selatan, sejak 1 Mei lalu.

Kepulangan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan, disambut oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail serta beberapa menteri Kabinet.

Perdana Menteri berkata mana-mana pihak tidak perlu ada sangkaan buruk mengenai percution itu.

"Saya akan bercuti kerana saya layak selepas bekerja selama 16 tahun. Walaupun tiap-tiap tahun dapat sebulan cuti, saya tak pernah lagi ambil cuti sebulan.

"Walaupun demikian, sewaktu bercuti saya akan menjalankan beberapa tugas rasmi," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun ia mungkin akan dilihat sebagai pertindihan tugas, perkara itu bukanlah satu masalah besar yang boleh menjejaskan tugas dan kedudukan Pemangku Perdana Menteri.

"Datuk Seri Anwar akan menjadi Pemangku Perdana Menteri yang mempunyai kuasa penuh seorang Perdana Menteri," katanya.

Perdana Menteri mengakui jawatan Pemangku Perdana Menteri memang sudah lama tidak diwujudkan kerana selama ini pemergiannya ke luar negara adalah sebagai Perdana Menteri yang menjalankan tugas rasmi.

"Kali ini saya cuti, betul-betul cutilah. Jadi tak buat kerja Perdana Menteri sebab itu kena ada pemangku," katanya sambil memberitahu Anwar akan memangku jawatan Perdana Menteri apabila beliau memulakan cutinya.

Menurutnya, pelantikan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri akan diwartakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Kali terakhir Dr Mahathir melantik seorang Pemangku Perdana Menteri ialah ketika Datuk Musa Hitam (sekarang Tan Sri) menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Ditanya sama ada pelantikan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri adalah ujian kepada timbalannya bagi melihat sama ada Anwar boleh mengambil alih teraju kepemimpinan negara, Dr Mahathir berkata: "Saya beri penuh kepercayaan kepada Datuk Seri Anwar."

Perdana Menteri berkata, ketika ini adalah masa paling sesuai untuk beliau bercuti kerana tidak ada sebarang masalah besar dalam urusan pentadbiran dan politik negara atau serantau.

"Kalau keadaan tak selesa takkan nak pergi. Kalau tengah hadapi masalah seperti 1987 (krisis Umno) saya tidak pergi mana.

"Lagipun ini adalah tempoh pertengahan selepas pilihan raya. Ini adalah masa paling selesa bagi saya, yang tidak membabitkan sebarang persediaan pilihan raya dan tidak melaksanakan sesuatu yang kita mesti laksanakan ketika pilihan raya.

"Inilah masa terbaik saya pergi (bercuti) dan merehatkan fikiran tanpa pihak akhbar terlalu banyak bertanya soalan," katanya.

Ditanya mengenai persaraan, Dr Mahathir berkata: "Kita harus bersara. Semua orang bersara. Masalahnya ialah bila ...?"

Dr Mahathir berkata, beliau akan menggunakan cuti panjang itu untuk mencatatkan pengalaman dan pemikirannya yang mungkin berguna kepada negara dalam mengharungi cabaran pada masa hadapan.

"Saya bukan nak tulis buku, tapi banyak yang perlu saya tulis. Banyak yang tak tercatat, pemikiran yang mungkin berguna untuk diri saya untuk mengatur pemikiran saya.

"Kalau berlaku sesuatu masalah kita sudah ada penyelesaiannya, datang masalah lain juga ada penyelesaiannya," katanya.

(END)